

PEKERJA pembersihan membuang air di parkir tingkat bawah pusat beli-belah IOI Mall, Puchong semalam.

SUSULAN BANJIR KILAT DI PUCHONG

Pembetung gagal berfungsi

FOTO: HAMIDI SAMSUDIN DAN ZULFADHLI ZULKIFLI

■ Aliran air deras dari kawasan tinggi melimpah atas jalan

Oleh Sharifah Norfaezah
Wan Ahmad Makki Mashor
norfaezah@hmetro.com.my
Subang Jaya

Kejadian banjir kilat yang melanda Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) berhampiran pusat beli-belah IOI Mall kelmarin mungkin berpunca daripada kegagalan satu daripada sistem pembetung lebuhraya terabit.

Yang dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Datuk Asmawi Kasbi berkata, hujan lebat sejak jam 12.45 tengah hari kelmarin mengakibatkan aliran deras dari kawasan tinggi seperti Bandar Puteri, Setiawalk dan Bandar Puchong Jaya yang melalui tiga pembetung bawah tanah LDP sebelum ke Sungai Klang.

“Saluran terabit begitu hampir dengan IOI Mall menjadikan kawasan itu dinaiki air.

“Hasil laporan Jabatan Kaji Cuaca mendapati kapasiti air terlalu tinggi iaitu pada tahap 68 mililiter dan melimpah hingga naik ke atas jalan serta sebahagian lagi mengalir



“ Kami minta mereka siapkan segera bagi membolehkan air mengalir ke Sungai Klang dan menurut perbincangan ia selesai dalam tempoh satu setengah bulan”

Asmawi Kasbi

ke kawasan letak kereta terbuka IOI,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi dialog bersama Lingkar Trans Kota Holdings Bhd (LITRAK), Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (PRASARANA) di ibu pejabat MPSJ, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya dan semua pihak terabit

Peniaga mengeluh rugi

Puchong: “Sudah bertahun-tahun kami berniaga di sini, tidak pernah banjir, tapi kali ini air masuk hingga ke dalam kedai,” kata peniaga di pusat beli-belah IOI Mall yang terabit kejadian banjir kilat, kelmarin.

Peniaga kasut, Chai, 35, berkata, air memenuhi premisnya sehingga ke stor belakang menyebabkan operasi perniagaan terpaksa ditutup dan dia mengalami kerugian kerana barangan rosak.

“Air mula memasuki premis jam 6.45 petang selepas Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dinaiki air dan kami segera me-

mindahkan barang.

“Namun kejadian berlaku begitu pantas dan air mengalir masuk ke stor, sekali gus merosakkan sebahagian barang jualan. Disebabkan insiden ini dianggarkan kerugian dialami melebihi RM5,000,” katanya.

Menurutnya, mereka terpaksa membersihkan kedai sejak awal pagi kerana terlalu banyak barang yang terjejas dan masih basah.

Seorang lagi peniaga, Hwi Ai Ying, 33, yang membuka kiosk kecantikan di sini berkata dia kerugian lebih RM3,000 namun tiada kerosakan harta benda dialami.

akan melawat semula lokasi berkenaan hari ini bagi memastikan keadaan terkawal selain menyiasat punca sebenar insiden itu.

“Kami sudah meminta LITRAK mengkaji jika ada masalah pada pembetung sama ada ia memerlukan penyelenggaraan komprehensif ataupun ada sebarang unsur yang menyebabkan air tidak mengalir dengan baik. Jika ada, kerja pembersihan akan dilakukan syarikat konsesi itu,” katanya.

Selain langkah penyelesaian itu, MRCB yang juga syarikat kontraktor Transit Aliran Ringan (LRT) memperluas sistem longkang atau aliran sedia ada yang ketika ini dibina dalam keadaan separuh tanah dan selebihnya simen.

“Kami minta mereka menyalakannya segera bagi membolehkan air mengalir terus ke Sungai Klang dan menurut perbincangan ia selesai dalam tempoh satu setengah bulan,” katanya.